

Appendix A

Puan Halimah Yacob: Tuan Pengerusi, kita telah mendengar kenyataan MOF dan MOM bahawa kemajuan ekonomi kita akan terus bertambah baik dan sebanyak 450,000 pekerjaan akan diwujudkan dalam tempoh lima tahun ini. Masyarakat kita perlu bersedia untuk mengharungi masa depan global yang lebih kompetitif dan menggunakan peluang-peluang yang disediakan oleh Pemerintah.

Masyarakat kita telah membuat banyak kemajuan dalam bidang pelajaran dan pekerjaan, tapi saya khuatir bahawa masih terdapat segolongan masyarakat kita yang mendapati sukar untuk menyesuaikan diri kepada perubahan yang sedang kita alami dan mereka akan jauh ketinggalan.

Mereka juga menghadapi masalah sosial seperti penceraian, penyalahgunaan dadah dan keciciran. Ramai juga tidak mempunyai kemahiran untuk melakukan kerja-kerja bernilai tinggi yang dapat membayar gaji yang lebih baik bagi menampung keluarga mereka dan lebih sering dilanda pengangguran. Skim WIS akan membantu dan merangsang golongan ini. Pada masa yang sama, kita juga perlu memberikan tumpuan yang lebih khusus dan terperinci untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka. Jika tidak, saya khuatir bahawa akan timbul golongan kelas bawahan di kalangan masyarakat Melayu/Islam yang merasa diri mereka dipencilkan dan ini akan membawa masalah-masalah lain.

Tahun lepas, MUIS telah membuat pengumuman bahawa ia akan menggunakan wang zakat untuk membantu keluarga-keluarga kurang upaya mempertingkatkan diri mereka. Bolehkah Menteri memberi maklumat selanjutnya tentang apa yang telah dilakukan dalam usaha ini? Golongan khas yang juga memerlukan banyak perhatian adalah ibu tunggal. Bolehkah Menteri juga memberikan penjelasan tentang usaha-usaha yang telah dilakukan untuk membantu mereka? Bagaimana kita dapat pastikan bahawa visi masyarakat yang merangkumi semua yang telah dilakarkan untuk Singapura dapat dirasakan dan melibatkan setiap lapisan masyarakat kita.